

Kesibukan belajar tidak halang dekati gelandangan

Kuala Lumpur: Tidak ramai golongan muda berminat menghulurkan sumbangan bersama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) terutama ketika masih belajar di institusi pengajian tinggi (IPT).

Berbeza Pelajar Tahun Dua Universiti Auckland, New Zealand, Farhanah Firdaus Francis, 22, kesibukan mengejar ijazah dalam bidang perakaunan tidak menghalang pembabitannya dalam menyertai kerja amal bersama NGO.



Farhanah Firdaus Francis

Beri sumbangan kepada masyarakat

Katanya, kerja amal dilakukan bersama Handshake People New Zealand mendekatkan dirinya dengan golongan gelandangan tanpa mengira agama dan keturunan di negara Kiwi berkenaan.

Pelajar tahun dua Universiti Auckland ini berkata, pembabitannya dalam pertubuhan sukarela bermula setahun lalu apabila bersama sekumpulan rakan kuliah menujuhkan

Handshake People bertujuan memberi sumbangan kepada masyarakat.

"Ia adalah gabungan pelajar pelbagai negara termasuk Pakistan, Bangladesh, Arab Saudi dan New Zealand, selain Malaysia yang melakukan aktiviti kemasyarakatan secara mingguan dan bulanan.

"Ketika awal penubuhan jawatan kuasanya, saya satu-satunya wanita yang menggalas tanggungjawab sebagai Ketua Pembangunan Wanita bagi pertubuhan itu," katanya dalam

temu bual bersama BH, ketika pulang bercuti ke tanah air, baru-baru ini.

Farhanah berkata, pertubuhan itu juga sebahagian daripada Yayasan Dana Kebajikan Muslim Malaysia yang ditubuhkan pada 2014.

Beliau berkata, antara aktiviti yang dijalankan Handshake People termasuk bengkel bertujuan memberi pelbagai kemahiran kepada masyarakat setempat mengenai kepemimpinan, keusahawanan, pembangunan diri dan kerohanian.